



Executive Summary | Ringkasan Eksekutif

Gambaran keseluruhan

Negara-negara Asia Tenggara—dikelompokkan dalam blok serantau yang dikenali sebagai [Persatuan Negara-negara Asia Tenggara \(Association of Southeast Asian Nations, ASEAN\)](#)—sangat berbeza dari segi saiz geografi, sistem pemerintahan, kedudukan ekonomi, serta kepelbagaian budaya dan masyarakat. Selain itu, setiap negara berbeza dari segi tahap pematuhan kepada standard hak asasi manusia antarabangsa dan perlindungannya (atau penafiannya) terhadap kebebasan di dalamnya, termasuklah kebebasan sejagat untuk agama atau kepercayaan. Sehubungan dengan ulang tahun ke-50 ASEAN, [Suruhanjaya A.S. bagi Kebebasan Beragama Antarabangsa \(U.S. Commission on International Religious Freedom, USCIRF\)](#) mempersembahkan *Hak Semua: Kebebasan Agama atau Kepercayaan di ASEAN*. Laporan ini mendokumenkan pendekatan ASEAN dan pendekatan Negara Anggota terhadap hak asasi ini, menekankan cabaran yang berkaitan dengan kebebasan beragama di dalam rantau ini yang menjangkau sempadan negara, serta memberikan penekanan terhadap kepentingan strategik penglibatan A.S. yang mantap dalam isu-isu tersebut secara berganding bahu dengan ASEAN dan 10 buah Negara Anggota: Brunei, Myanmar, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam.

Pendekatan ASEAN terhadap hak asasi manusia telah acap kali dibayangi oleh dua kepentingan yang bersaing: hasrat Negara Anggota untuk bersepadu sebagai sebuah blok dan pergantungan mereka yang mendalam terhadap kemerdekaan serta tidak campur tangan dalam urusan negara masing-masing. Dalam komuniti yang kian saling bergantung dan saling berhubungan seperti ASEAN, adalah penting bahawa kerajaan dan masyarakat menyedari—dalam sempadan dan juga merentasi sempadan negara mereka—apabila hak kebebasan beragama atau menganuti kepercayaan dianiaya dan mengambil langkah untuk melindungi individu dan kumpulan yang hak mereka dicabuli.

Amerika Syarikat—kini dalam tahun ke-40 dalam penglibatan dengan ASEAN—mempunyai wajaran dan pengaruh yang besar di rantau ini dan dengan setiap Negara Anggota. Amerika Syarikat hendaklah menggalakkan Negara Anggota ASEAN mencapai kemakmuran untuk rakyat mereka sendiri dan menghayati prinsip-prinsip teras yang dipersetujui oleh semua negara sewaktu menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sewaktu menjadi pihak yang terlibat dalam instrumen hak asasi manusia antarabangsa.

ASEAN, Hak Asasi Manusia, dan Kebebasan Agama atau Kepercayaan

ASEAN dan setiap Negara Anggota mempunyai rekod yang tidak konsisten dari aspek perlindungan dan penggalakan hak asasi manusia, dan lebih-lebih lagi berkaitan dengan kebebasan beragama atau menganuti kepercayaan. Sering kali, negara-negara ASEAN didapati kurang perpaduan dan kurang keazaman yang tinggi untuk bertindak balas terhadap pencabulan yang serius di dalam sempadan negara mereka sendiri dan dengan anggota lain dalam blok. Pada tahun 2009, ASEAN telah mewujudkan [Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia \(ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights, AICHR\)](#), dan pada tahun 2012 Suruhanjaya itu menerima pakai [Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN \(ASEAN Human Rights Declaration, AHRD\)](#). Pengkritik telah mencabar keberkesanan AICHR sebagai badan hak asasi manusia dan AHRD sebagai instrumen hak asasi manusia. Komuniti antarabangsa hendaklah menggesa Negara Anggota untuk mendukung standard yang lebih tinggi yang terkandung dalam instrumen hak asasi manusia, misalnya [Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak-hak Sivill dan Politik \(International Covenant on Civil and Political Rights, ICCPR\)](#).

Penemuan utama tentang kebebasan agama atau kepercayaan dalam 10 Negara Anggota tersebut termasuklah:

- **Brunei:** Pengenalpastian negara dan lingkungan awam dengan Islam melalui penampilan Sultan adakalanya mencabar kebebasan beragama penduduk bukan Islam atau penduduk Islam heterodoks, yang komunitinya mungkin diharamkan atau dikendalikan mengikut landasan Syariah walaupun mereka mempunyai penggabungan yang berbeza.

- **Myanmar:** Walaupun 2016 menandakan peralihan kerajaan yang bersejarah dan aman di Myanmar, penganiayaan terang-terangan dan bebas daripada hukuman yang dilakukan oleh tentera dan sesetengah aktivis bukan negara serta keseriusan krisis kemanusiaan yang dialami oleh orang yang tersingkir masih mendorong layanan buruk terhadap kumpulan agama dan etnik.
- **Kemboja:** Kemboja tidak banyak berhadapan dengan cabaran kebebasan agama atau kepercayaan, tetapi negara ini masih boleh menyumbang lebih banyak untuk mendukung komitmen hak asasi manusianya, terutamanya di bawah Konvensyen Pelarian.
- **Indonesia:** Kerajaan Indonesia sering campur tangan apabila penganiayaan kebebasan beragama timbul, terutamanya jika perkara itu melibatkan kekerasan. Walau bagaimanapun, penduduk bukan Islam dan penduduk Islam yang bukan aliran Sunni, menempuh kesukaran yang berterusan untuk mendapatkan kebenaran rasmi bagi membina rumah ibadat, berhadapan dengan perbuatan laku musnah di rumah ibadat, serta mengalami diskriminasi dan kadangkala protes ganas yang mengganggu keupayaan mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka.
- **Laos:** Di kawasan tertentu di Laos, pihak berkuasa tempatan mengganggu dan mendiskriminasikan kelompok minoriti agama dan etnik, serta kawalan kerajaan yang menyeluruh dan peraturan yang membebaskan menghalang kebebasan beragama atau menganuti kepercayaan.
- **Malaysia:** Sistem kerajaan Malaysia yang telah berakar umbi memberikan kelebihan kepada parti pemerintah dan kelompok majoriti Melayu Islam aliran Sunni dengan cara yang menjejaskan kelompok minoriti agama dan etnik, yang sering kali berlaku melalui tindakan keras atas arahan kerajaan terhadap kegiatan, pendapat atau perselisihan agama.
- **Filipina:** Dengan pengaruh kuat Gereja Katolik, serta keperluan kumpulan agama yang lain, Filipina bergelut dengan pemisahan antara gereja dan negara, dan juga kekerasan yang masih mendominasi perhubungan dengan orang Islam di Kepulauan Mindanao.
- **Singapura:** Sejarah kekerasan antara komuniti di Singapura telah membentuk dasar semasanya, yang mengutamakan keharmonian antara agama utama di negara tersebut, adakalanya hingga menyekat kebebasan pendapat dan hak komuniti agama yang lebih kecil.
- **Thailand:** Keperdanaan agama Buddha paling ketara menyebabkan masalah kepada kebebasan beragama atau menganuti kepercayaan di wilayah selatan yang didiami terutamanya oleh penduduk Melayu Islam. Di wilayah tersebut, ketegangan antara penganut agama Buddha dan Islam menyumbang kepada nasionalisme berasaskan agama yang semakin berkembang di seluruh negara.
- **Vietnam:** Vietnam telah menunjukkan kemajuan untuk meningkatkan situasi kebebasan beragama, tetapi pencabulan yang serius masih berlaku, terutamanya terhadap komuniti minoriti etnik di kawasan luar bandar di sesetengah daerah.

Cabaran

Sepuluh Negara Anggota tersebut mengalami beberapa cabaran yang bersifat sepunya dan keratan silang yang menekankan bagaimana pencabulan kebebasan agama atau kepercayaan berlaku merentasi sempadan dan dalam konteks trend serantau yang lebih luas serta berkaitan. ASEAN hendaklah mengakui dan berusaha untuk menangani masalah yang berikut: jurang perlindungan untuk pelarian, pencari suaka, orang yang diperdagangkan, dan orang yang tersingkir dalam negara; penggunaan undang-undang antipelampau dan antikeganasan sebagai kaedah untuk mengehadkan kegiatan sah yang diamalkan oleh komuniti beragama, membendung perselisihan aman, dan memenjarakan orang; penggunaan sentimen bersemangat kebangsaan oleh individu dan kumpulan yang memanipulasikan agama hingga menjejaskan kumpulan agama dan etnik yang lain; tangkapan, penahanan, dan pemenjaraan berdasarkan kepercayaan, amalan, atau kegiatan agama; serta kewujudan dan pelaksanaan undang-undang kerana kesalahan menghina agama yang digunakan untuk menghasut atau mengilhami kekerasan, umumnya oleh ahli-ahli kumpulan agama majoriti terhadap mereka yang datang daripada komuniti agama yang minoriti.

Prinsip Tidak Campur Tangan ASEAN

Negara Anggota ASEAN acap kali mengungkapkan prinsip tidak campur tangan (prinsip yang diabadikan dalam rukun kedaulatan negara, integriti, dan kemerdekaan), namun ada waktunya prinsip tersebut diketepikan apabila ia memberikan kelebihan kepada mereka. Walaupun sememangnya dapat difahami bahawa negara-negara ASEAN melindungi kepentingan mereka sendiri, setiap negara mempunyai tanggungjawab untuk bertindak secara harmoni dengan komuniti negara, terutamanya apabila isu hak asasi manusia, termasuk kebebasan agama atau kepercayaan, menjangkau sempadan negara.


Hubungan A.S.-ASEAN

Dalam tahun ke-50 ASEAN dan setelah 40 tahun keterlibatan A.S.-ASEAN, Amerika Syarikat harus memanfaatkan kepentingan dan pengaruhnya di rantau ini supaya menggesa Negara Anggota untuk mendukung standard hak asasi manusia antarabangsa. Walaupun sesetengah Negara Anggota ASEAN lebih terbuka tentang keterlibatan A.S. dalam isu hak asasi manusia, tekanan yang kuat dan konsisten daripada Amerika Syarikat—termasuklah pengukuhan yang positif apabila diperlukan—akan menghantar isyarat yang jelas tentang keutamaan A.S. di rantau ini.

Kesimpulan

ASEAN dan setiap Negara Anggota hendaklah memahami bahawa komuniti negara global menghayati pegangan bahawa setiap orang mematuhi aturan antarabangsa yang berasaskan peraturan, yang merangkumi tanggungjawab untuk mendukung kebebasan beragama atau kepercayaan dan hak asasi manusia yang berkaitan. Ini bermakna bahawa ASEAN dan Negara Anggota hendaklah mengambil langkah untuk:

- mematuhi instrumen hak asasi manusia antarabangsa;
- mengalu-alukan lawatan daripada pemantau hak asasi manusia;
- memastikan akses tanpa kekangan oleh pekerja bantuan, media bebas, dan pihak berkepentingan kepada penduduk yang terlibat dan kawasan konflik;
- memansuhkan undang-undang kerana kesalahan menghina agama dan undang-undang yang berkaitan;
- membebaskan tahanan nurani (prisoner of conscience); dan
- mengukuhkan perhubungan antara agama.



Malaysia | Malaysia

Kerajaan: Raja Berperlembagaan Persekutuan

Penduduk: 30,949,962

Agama/Keyakinan yang Diiktiraf Kerajaan: Islam (agama rasmi negara); kumpulan agama lain boleh diberikan pendaftaran, tidak termasuk yang dianggap “melencong”

Demografi Agama:

- Islam: 61.3%
- Buddha: 19.8%
- Kristian: 9.2%
- Hindu: 6.3%
- Confucianisme, Taoisme, agama tradisi Cina yang lain: 1.3%
- Lain-lain: 0.4%

Penemuan Utama: Sistem kerajaan Malaysia yang telah berakar umbi memberikan kelebihan kepada parti pemerintah dan kelompok majoriti Melayu Islam aliran Sunni dengan cara yang menjejaskan kelompok minoriti agama dan etnik, yang sering kali berlaku melalui tindakan keras atas arahan kerajaan terhadap kegiatan, pendapat atau perselisihan agama.

Lebih 61 peratus daripada penduduk Malaysia yang berjumlah hampir 31 juta orang merupakan penganut agama Islam. Selain Buddha, Kristian, Hindu, dan Confucianisme/Taoisme, terdapat segmen lebih kecil yang mengikuti agama lain atau tidak dinyatakan, misalnya Sikhisme, Baha’isme, dan animisme, atau tiada pegangan agama langsung. Kerajaan Malaysia mengharamkan kumpulan agama yang dianggap “melencong,” misalnya kumpulan Syiah, Ahmadiyah, Baha’i, dan Al-Arqam. Kerajaan atau mahkamah Syariah peringkat negeri boleh memaksa individu yang telah menyimpang daripada ajaran Islam aliran Sunni—termasuklah individu daripada kumpulan yang “melencong” atau individu yang keluar daripada agama Islam—untuk memasuki kem yang dikenali sebagai pusat “pemulihan” dan/atau mendakwa mereka kerana murtad, yang boleh dihukum penjara atau dikenakan denda.

Kuasa politik kerap mengeksploitasi agama dan etnik, semakin cenderung kepada pentafsiran Islam yang bersifat konservatif dan nasionalis. Trend ini—mengaburkan sempadan antara agama dan etnik—telah semakin meningkat dalam dekad yang lalu, menjadi alat retorik dan kempen yang popular merentasi seluruh spektrum politik dan ideologi.

Pada umumnya, warga Malaysia bebas untuk beribadat, namun begitu kumpulan minoriti kerap mengalami diskriminasi yang berkaitan dengan keyakinan mereka, dan sesetengahnya berhadapan dengan kesukaran untuk mengakses bahan agama, misalnya kitab Injil, serta untuk mendapatkan kebenaran kerajaan untuk membina rumah ibadat. Perlembagaan mentakrifkan etnik Melayu—kumpulan etnik terbesar—sebagai Islam, dan secara praktiknya kerajaan hanya menyokong aliran Sunni. Melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kerajaan memberikan dana kepada kebanyakan masjid dan imam aliran Sunni serta menyediakan kandungan khutbah, yang sering merendah-rendahkan kumpulan agama yang minoriti, misalnya kumpulan Syiah. Selain itu, pihak kerajaan dan juga UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), parti politik yang dominan, menggalakkan Islam aliran Sunni dengan menghantar individu ke Arab Saudi untuk mendalami ilmu agama. Sistem berkembar mahkamah sivil dan Syariah, serta lapisan undang-undang persekutuan melawan undang-undang negeri, dekri yang dikeluarkan oleh Sultan, dan *fatwa*, menghakis tanggapan negara sekular dan keagungan perlembagaan. Terdapat laporan tentang penyebaran ajaran Islam secara meluas di sekolah awam, malahan juga di sekolah Katolik. Penduduk Islam dibenarkan menyebarkan ajaran kepada penduduk bukan Islam, tetapi tidak sebaliknya.

Kelompok minoriti agama dan etnik telah menyuarakan kebimbangan yang semakin meningkat tentang dasar kerajaan yang cenderung ke arah Melayu Islam dan peraturan berikutnya yang mengehadkan hak mereka untuk mengamalkan keyakinan dengan bebas. Ini termasuklah sekatan terhadap pendidikan dan pekerjaan, serta kesan penukaran agama terhadap hak harta benda, penjagaan anak, dan pengebumian. Kebimbangan ini ditingkatkan oleh laporan tentang pemimpin agama yang diganggu malahan juga diculik. Sebagai contoh, pada Februari 2017 beberapa orang penyerang bertopeng telah melarikan Pastor Raymond Koh di Petaling Jaya. Sebelum itu, pihak berkuasa agama telah mengganggu Pastor Koh setelah mengesyaki beliau menukar agama penduduk Islam kepada agama Kristian; sewaktu

laporan ini ditulis, lokasi beliau masih belum diketahui. Pada Mei 2017, polis mengumumkan bahawa mereka telah menangkap seorang suspek yang terlibat dengan kehilangan Pastor Koh tetapi tidak menyatakan berita lain tentang kes tersebut atau lokasi pastor berkenaan. Dalam bulan-bulan kebelakangan ini, seorang lagi pastor dan isterinya, bersama-sama dengan seorang Islam Syiah, kesemuanya dipercayai telah turut hilang.

Penduduk bukan Islam kerap mengalami halangan untuk menggunakan perkataan “Allah” kerana ada sesetengah penduduk Islam yang mempercayai bahawa perkataan ini dan perkataan lain hendaklah digunakan secara eksklusif oleh penganut agama Islam. Gereja Katolik kalah dalam pertarungan guaman untuk menggunakan perkataan “Allah” sebagai terjemahan untuk “Tuhan” dalam akhbar berbahasa Melayu mereka. Penduduk bukan Islam menegaskan bahawa perkataan Arab untuk Tuhan ialah perkataan sama yang digunakan dalam bahasa Melayu dan bahasa Iban yang asli.

Pada 2016 dan sekali lagi pada 2017, Abdul Hadi Awang, ketua PAS (Parti Islam Se-Malaysia), memperkenalkan Rang Undang-Undang Bukan Kerajaan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bagi melaksanakan hukum *hudood* (kanun jenayah Islam, yang biasanya dieja sebagai *hudud* di Malaysia) dan mengembangkan bidang kuasa mahkamah Syariah. Jenayah yang boleh dihukum di bawah *hudud* termasuklah murtad, fitnah, zina, dan pengambilan alkohol; hukumannya termasuklah amputasi, rejaman, dan sebatan. Mereka yang menentang langkah itu mempunyai dua kebimbangan: bahawa ia akan mengenakan hukum *hudud* kepada penduduk bukan Islam, dan mengurangkan kuasa mahkamah sivil. Para penyokong menegaskan bahawa langkah itu adalah tentang pengukuhan mahkamah Syariah, bukan tentang pelaksanaan hukum *hudud*.

Pada Mac 2016, Mahkamah Tinggi Kuching membenarkan Roneey Rebit yang asalnya dilahirkan sebagai Kristian untuk mengenal pasti dirinya sebagai penganut agama Kristian. Sewaktu Roneey masih kanak-kanak, ibu bapanya telah memeluk agama Islam dan Roneey dianggap sebagai ditukar agama mengikut undang-undang Malaysia; apabila dewasa, beliau memilih untuk mengikuti agama kelahirannya, Kristian. Sehingga keputusan Mahkamah Tinggi itu dibuat, kerajaan Malaysia berhujah bahawa hanya Mahkamah Syariah boleh menghakimi perkara yang melibatkan agama Islam, yang menyukarkan penduduk Islam untuk menukar agama atau membetulkan dokumen rasmi kerajaan untuk mencerminkan keyakinan yang dipilih oleh seseorang individu. Tambahan pula, keputusan hakim mengesahkan bahawa kebebasan agama atau kepercayaan ialah hak perlembagaan.

Dalam kes wanita yang beragama Hindu, M. Indira Gandhi, bekas suaminya menukar agama ketiga-tiga orang anak mereka kepada Islam tanpa pengetahuan beliau. Walaupun Indira diberikan hak penjagaan penuh terhadap anak-anak, bekas suaminya menghilangkan diri dengan anak bongsu mereka lebih kurang lapan tahun yang lalu, dan sejak itu Indira tidak pernah melihat anaknya itu, walaupun lebih awal sebelum itu bekas suaminya telah diperintahkan oleh mahkamah supaya memulangkan anak tersebut. Pada April 2016, mahkamah membenarkan penangkapan bekas suaminya, dan pada Mei Mahkamah Persekutuan memberikan hak kepada Indira untuk mencabar penukaran agama unilateral anak-anaknya. Pada November 2016, Mahkamah Persekutuan mengadakan perbicaraan untuk kes tersebut, tetapi hingga penghujung Mei 2017, mahkamah masih belum mengeluarkan apa-apa keputusan. Pihak berkuasa gagal menahan bekas suami Indira, dan bekas suaminya itu juga tidak hadir ke mahkamah.

Pihak berkuasa Malaysia kerap menggunakan Akta Hasutan yang mempunyai susunan kata-kata yang kabur sebagai kaedah untuk menyekat perselisihan pendapat politik dan agama serta semakin menyasarkan individu. Pada Ogos 2016, polis menahan penyanyi rap Malaysia Wee Meng Chee, yang nama profesionalnya ialah Namewee, kerana didakwa menghina Islam dalam salah sebuah video muziknya. Setelah beberapa hari dalam tahanan polis, beliau dibebaskan dengan ikat jamin, tetapi masih boleh menghadapi penjara selama dua tahun dan dikenakan denda. Kerajaan Malaysia juga menyekat individu yang berusaha untuk mempertanggungjawabkan pihak kerajaan, termasuklah melalui penggunaan langkah-langkah keselamatan negara. Pada 1 Ogos 2016, Akta Majlis Keselamatan Negara Malaysia mulai dikuatkuasakan, memberikan kuasa baharu yang lebih meluas kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan keadaan darurat negara serta membenarkan pengeledahan dan penahanan tanpa waran. Penyokong hak asasi manusia mengkritik akta itu kerana menghakis hak dan kebebasan asasi, dan memberikan amaran tentang penyalahgunaan oleh pihak kerajaan.